

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUKANG PANCUT (E.1-2-3 EB.4)
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUKANG PANCUT
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU


- b) *BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengetahuan mengenai kawalan penyakit bawaan vektor adalah kelebihan.
 3. Berkebolehan dalam mengendalikan mesin atau peralatan semburan adalah kelebihan.
 4. Keutamaan akan diberikan kepada calon lelaki.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan tugas-tugas mengikut arahan Ketua atau Pengawas di dalam Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) seperti berikut:
 - a) Membantu dalam membuat penyediaan dan penyampuran bahan racun untuk pengawalan vektor.
 - b) Membuat penyemburan dan pengasapan racun-racun di tempat-tempat yang memerlukan pengawalan vektor yang mana ianya penting kepada kesihatan awam seperti penyakit bawaan vektor.
 - c) Memelihara dan membersihkan peralatan pengawalan vektor selepas digunakan.
 - d) Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan kebersihan kawasan-kawasan di dalam Perkhemahan ABDB bagi mencegah kejadian penyakit bawaan vektor.
2. Bersedia untuk bertugas di mana-mana Perkhemahan ABDB dan kawasan latihan tentera seperti yang diarahkan oleh Ketua Bahagian.